

SEPTEMBER 2020



# CASSIA

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT



# ■ NOTA GCEO

## Rangkuman Sesi Taklimat Bersama Petugas

Warga FGV sekalian,

Terima kasih di atas penyertaan para petugas di Sesi Taklimat Bersama GCEO yang diadakan secara maya pada 14 September lalu. Ianya merupakan sejarah bagi Kumpulan FGV kerana pertama kali menganjurkan sesi taklimat yang dapat ditonton secara serentak di lebih 282 lokasi di seluruh negara serta di Indonesia dan Amerika Syarikat.

Kepada yang tidak berkesempatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan boleh menonton rakaman sesi tersebut yang telah dimuat naik di laman *Youtube* FGV di pautan [https://youtu.be/N0tl\\_fg9zVA](https://youtu.be/N0tl_fg9zVA)

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada petugas yang menghantar soalan dan cadangan berkaitan pelbagai topik. Secara keseluruhan, saya menerima lebih 150 soalan dan cadangan.

Saya telah berkongsi soalan dan cadangan tersebut dengan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) agar kami dapat mengambil perhatian dan memperhalusi perkara-perkara yang telah diutarakan.

Beberapa soalan yang diterima awal telah saya rangkum dan jawab semasa sesi taklimat. Antaranya adalah:

### • Kenaikan Gaji

Kita akan membayar kenaikan gaji kepada petugas yang layak bermula September 2020. Kenaikan ini berkuatkuasa Januari 2020 untuk petugas bukan eksekutif dan April 2020 untuk petugas eksekutif. Tunggakan pembayaran akan turut dijelaskan pada September 2020.

Tunggakan untuk kerja lebih masa dan elauan berkaitan kenaikan gaji pula akan dibayar pada Oktober tahun ini.

### • Kenaikan Pangkat

Kenaikan pangkat yang telah diluluskan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula akan berkuatkuasa bermula Oktober 2020.

### • Subsidi Perumahan dan Kenderaan

Buat masa sekarang kita masih belum dapat meneruskan subsidi ini dan kajian semula berkaitan dengannya akan dibuat bergantung kepada keputusan kewangan tahun 2020.

### • MSS/VSS/VERS

Kita telah pun melaksanakan skim ini pada 2019. Ianya adalah sebahagian mekanisma untuk syarikat membuat *right fitting and right sizing*, bergantung kepada keperluan syarikat.

Walaupun FGV memberi komitmen untuk mengurangkan kos pekerja sebanyak 30% dalam masa tiga tahun, ianya tidak terhad kepada skim MSS sahaja. Namun skim ini masih dalam pertimbangan Pengurusan dengan mengambil kira prestasi petugas.

### • COVID-19 dan Norma Baharu

Saya ingin memberi peringatan bahawa pandemik COVID-19 masih berlaku. Namun kita harus bersyukur bahawa negara kita masih dapat mengawal pandemik ini dengan baik. Pandemik ini tidak mungkin dapat dibendung tanpa kerjasama semua yang mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, segala kesusahan yang kita hadapi adalah demi kepentingan bersama. Saya berharap Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua dapat bersabar dan menyesuaikan diri dengan keadaan sekarang.

Sebagai contoh, petugas di Wisma FGV terpaksa beratur dan mengambil suhu sebelum menaiki lif. Ramai yang mengadu terpaksa menunggu lif dengan lama untuk turun sewaktu rehat dan selepas waktu kerja. Pihak Sumber Manusia telah pun memperkenalkan waktu masuk dan rehat anjal untuk mengurangkan kesesakan pada satu-satu masa.

Saya berharap kita semua dapat memberikan kerjasama yang baik dengan mengikuti arahan yang diberikan, mengutamakan mereka yang kurang berkemampuan seperti petugas yang mengandung dan kurang berupaya dan janganlah bersikap mementingkan diri sendiri.

Di sinilah nilai-nilai PRIDE anda diuji dan diperhatikan.

Akhir kata, bagi mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan lain, Tuan-Tuan dan Puan-Puan bolehlah membacanya di FGV Hub di pautan <https://bit.ly/3j4XROZ>

*Dato' Haris Fadzilah Hassan  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
FGV Holdings Berhad*

## APA KATA MEREKA ?




**MOHD TARMIZI MOHD FUAD**  
FGV Transport Services

Satu medium baharu berteknologi masa kini dan amat bagus digunakan, sebagai contoh di semua depot FGV Transport berjaya mengaturkan sesi tontonan taklimat secara beramai-ramai dengan baik sekali walaupun mengikut prosedur SOP yang ditetapkan dan mereka juga masih mendapat info yang sama sepetimana petugas-petugas FGV di ibu pejabat.



**SJN KHAIRUL JEFRI MOHAMED**  
FGV Security Services

Cara ini lebih efektif dari sebelum ini di mana ruang adalah terhad dan tidak semua petugas dapat hadir sesi taklimat. Perlu diteruskan secara *online* untuk sesi-sesi taklimat yang akan datang.



**SHAMSUDIN DAUD**  
FGV Prodata

Sesi taklimat secara maya pada kali ini amat bagus digunakan kerana boleh ditonton di mana-mana lokasi tetapi yang penting perlu ada akses internet yang kuat.



**KHAIRUL AZWAN JAMALUDIN**  
FGV Holdings Berhad

Dari sesi taklimat yang saya tonton secara rakaman melalui link yang diberikan, saya yakin mengenai rancangan pemulihan terutamanya sektor perladangan yang kembali pulih dari semasa ke semasa.



## FGV Pelopori Pembayaran e-wallet Untuk Sektor Perladangan

Sistem e-wallet, di bawah inisiatif pengekalan program 3R, berjaya dilancarkan sejak Februari lalu di Gua Musang, Kelantan, melibatkan 1,500 pengguna berdaftar di 11 estet. Melalui sistem ini, FGV menganggarkan penjimatan sebanyak RM1 juta setahun dari segi kos pengendalian gaji. FGV menyasarkan pelaksanaan penggunaan sistem ini menjelang suku pertama 2021 untuk semua sektor perladangan termasuk di Sabah dan Sarawak. Menggunakan aplikasi mudah alih *Merchantrade Money* di bawah Merchantrade Asia Sdn. Bhd., pekerja ladang FGV diberikan kad Visa prabayar dan akaun e-wallet individu, yang dapat diakses dengan mudah melalui telefon bimbit mereka.



## FGV Prodata Menang Kontrak Penyelenggaraan Perkakasan ICT MINDEF

FGV Prodata Systems Sdn Bhd (FGV Prodata), berjaya memperolehi kontrak Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef) bagi penyelenggaraan perkakasan selama tiga tahun bermula September 2020. Perkhidmatan FGV Prodata merangkumi bekalan alat ganti, penyelenggaraan pencegahan dan pembetulan sehingga 10,000 peralatan ICT di sembilan lokasi di Selangor dan Kuala Lumpur, serta merangkumi perkhidmatan IT untuk pengurusan tertinggi MinDef. Ini membuktikan kapakanan dan kredibiliti FGV Prodata dalam menyediakan komponen hujung ke hujung untuk membina sistem yang selamat dan padu bagi industri ICT.



## FGV Salur Dana RM5 Juta Setahun Biayai Program Tanggungjawab Sosial Korporat

FGV Holdings Berhad (FGV) menyalurkan dana tahunan sebanyak RM5 juta kepada Yayasan FELDA (YF) sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat Kumpulan. Menerusi pembiayaan ini FGV berpeluang memberi bantuan bermakna terutama dalam bidang pendidikan, kebajikan dan kesihatan, yang merupakan kegiatan utama YF sejak ditubuhkan pada 2009. Sebahagian daripada peruntukan tahunan ini turut disalurkan kepada Pusat Haemodialisis Felda (PHF) yang dikendalikan oleh YF. PHF menyediakan rawatan dialisis buah pinggang untuk golongan B40 serta pesakit yang tidak mempunyai tajaan atau perlindungan insuran. FGV turut menyalurkan sumbangan zakat perniagaan sebanyak RM52,500 secara terus kepada semua pesakit dan petugas di PHF.



## FGV Perluas Pasaran Getah Ke Eropah Dan Amerika Utara

FGV Holdings Berhad (FGV), melalui anak syarikatnya, FGV Rubber Industries Sdn. Bhd. (FGVRI) mengembangkan perniagaan getahnya ke Eropah dan Amerika Utara melalui pelantikan Rubber Heart Ltd (RHL) - sebuah agensi pemasaran getah yang berpusat di United Kingdom. Pelantikan itu merangkumi pengembangan pasaran dan jualan strategik pelbagai gred Getah Spesifikasi Teknikal (*Technically Specified Rubber*) dan bahan berasaskan Getah Asli Khas (*Specialty Natural Rubber*) lain, eksklusif untuk negara-negara di benua ini. Sebagai salah satu pengeluar Standard Malaysian Rubber (SMR) utama di Malaysia dengan pengalaman 50 tahun dalam industri getah, ini adalah peluang terbaik bagi FGV untuk mengembangkan dan memperkuatkannya barisan pelanggan antarabangsa.

## ■ WIRA FGV

# “Alah Bisa Tegal Biasa” Demi Kejayaan Kumpulan FGV



Ramzan Dollah adalah nama yang tidak asing lagi bagi warga kerja di Kilang Sawit Bukit Sagu, Pahang. Beliau sememangnya terkenal dengan keakarhan menilai kualiti tandan buah segar yang dihantar oleh para pembekal ke kilang sawit milik FGV.

Bertugas sebagai Penyelia Kualiti Kawasan (AQS) atau lebih sinonim dengan panggilan ‘Ketua Grader’ di kalangan kebanyakan petugas kilang sawit, peranan yang dimainkan bersama pasukannya amat penting memandangkan mereka yang bertanggungjawab memastikan hanya buah yang masak dan menepati spesifikasi tertentu sahaja akan dibeli oleh kilang daripada pihak pembekal.

“Kualiti buah yang menepati spesifikasi adalah penting bagi membolehkan pihak kilang memperolehi hasil kadar perahan minyak (OER) yang diharapkan. Oleh itu, penggredian secara teliti perlu dibuat bagi mengelakkkan kerugian di pihak FGV seterusnya menjamin kualiti buah yang

diterima untuk diproses,” jelas Ramzan.

Dengan purata sekitar 1,000 tan sehari bagi kerja-kerja penggredian, ia bukanlah sesuatu yang mudah lebih-lebih lagi bekerja di bawah sinaran terik matahari. Pekerjaan ini memerlukan latihan yang khusus dan perlu diperakui oleh pihak yang berwajib seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebelum disah dan diberikan kuasa sebagai Pemeriksa Kualiti Kilang.

Ramzan telah berkhidmat hampir 30 tahun dengan Kumpulan FGV. Anak jati kelahiran Raub, Pahang ini menjelaskan beliau berasa bangga kerana dapat menyumbang sesuatu yang bermakna kepada syarikat. Ini kerana menerusi ketelitian mereka inilah yang akan menentukan keuntungan atau kerugian syarikat. Sudah tentunya ia adalah tugas yang tidak boleh dilakukan secara sambil lewa.

Selain perlu menggalas tugas tersebut sebaik mungkin, Ramzan juga sentiasa

mengingatkan petugas di bawah seliaannya untuk sentiasa fokus, amanah, jujur dan berintegriti di dalam pekerjaan mereka.

“Bertugas sebagai ‘grader’ memerlukan integriti yang tinggi kerana kita sentiasa berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran khususnya pihak-pihak yang cuba ‘membeli’ kita agar buah yang tidak menepati spesifikasi dibeli oleh kilang. Di sinilah tahap integriti kita diuji dan sekiranya kita sentiasa amanah, perkara ini dapat dihindarkan selain menjamin keberkatan rezeki yang dicari,” ujar beliau.

Mengambil kata-kata perangsang yang diberikan oleh GCEO baru-baru ini, “masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri dalam menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan syarikat di masa hadapan terutamanya di dalam usaha kita untuk ‘memerdekakan’ diri kita daripada kemelut lampau. Semoga kejayaan sentiasa mengiringi usaha murni kita di masa-masa akan datang”, mengakhiri bicara.



“Merdeka Dari Kemelut” di dalam konteks FGV adalah supaya kita berusaha ke arah membebaskan diri daripada:

- Kemelut kewangan** - dengan berganding bahu dalam usaha memulihkan ekonomi syarikat demi kesejahteraan keluarga kita, masyarakat dan negara.
- Kemelut masa lampau yang negatif** – dengan memupuk minda yang maju ke hadapan, sihat dan positif.
- Kemelut budaya** – dengan membina sifat prihatin, hormat-menghormati, produktif dan sentiasa terbuka kepada maklum balas.



# DUA LADANG CONTOH FGV

## Terima Pensijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (QE / 5S)



Selepas kejayaan dua kilang contoh milik FGV yang dianugerahkan pensijilan QE/5S, kini giliran dua ladang contoh FGV menuruti jejak langkah kilang tersebut. Sekalung tahniah diucapkan kepada Ladang FGV Tembangau 6 dan Ladang FGV Maokil 7 di atas pengiktirafan Pensijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (QE/5S) bertaraf dua bintang oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), baru-baru ini.

Pensijilan QE/5S buat kedua ladang contoh ini adalah pengiktirafan julung kali yang dicapai oleh mana-mana ladang sawit milik FGV. Kejayaan ini memperlihat keberkesanan konsep Model Perladangan yang diilhamkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence Division*) dalam mengubah dan merealisasikan pelan transformasi FGV.

Berdasarkan laporan audit MPC, Ladang FGV Tembangau 6 telah

mencatat pemarkahan sebanyak 77%, manakala Ladang FGV Maokil 7 pula memperolehi markah sebanyak 79.5% yang menyumbang kepada pengiktirafan dua bintang daripada tiga bintang yang ditawarkan kepada kedua-dua ladang. Untuk rekod, kedua-dua ladang ini merupakan dua ladang perintis kepada konsep Model Perladangan yang diperkenalkan pada April tahun lalu.



**JANGAN ALPA!**  
KITA MASIH BELUM MENANG

Kekalkan disiplin diri untuk sama-sama kita perangi jangkitan wabak COVID-19.

## DOP AGIH NASI LEMAK Promosi Produk Baharu SAJI



Pada 11 September seawal 7.00 pagi, warga Wisma FGV menerima kejutan manis daripada petugas Delima Oil Products yang menunggu di lif lobi untuk mengedarkan sebanyak 1,000 bungkus nasi lemak secara percuma.

Nasi lemak diberikan sebagai simbolik pelancaran tiga produk baharu keluaran FGV iaitu Santan SAJI, Beras SAJI dan Gula Kasar SAJI. Kesemua produk merupakan antara item wajib bagi setiap dapur rakyat Malaysia.

Majlis pelancaran produk telah disempurnakan

oleh Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Dato' Haris Fadzilah Hassan bersama Ketua Bahagian Hiliran, En. Zulkifli Othman.

Pada hari yang sama, petugas FGV dan penyewa di Wisma FGV berpeluang membeli produk baharu di Delima Shop dengan tawaran harga istimewa. Dengan pembelian antara RM20 hingga RM50 ke atas mereka menerima hadiah istimewa antaranya set sudu dan garfu SAJI dan set utensil dapur SAJI, kedua-duanya edisi terhad yang habis ditebus dalam masa satu jam.

Pelancaran produk-produk baharu ini selari dengan perancangan syarikat untuk mempelbagaikan lagi produk FMCG di bawah sektor yang baharu. Rata-rata petugas FGV teruja dan tidak sabar menantikan produk pengguna keluaran FGV yang seterusnya.

Diharapkan petugas-petugas akan terus memberikan sokongan padu kepada produk keluaran FGV dan secara tidak langsung menyumbang kepada pengukuhan jenama FGV di pasaran.



## SOLAT JUMAAT Di Surau Al-Muhajirin, Wisma FGV



Sekjak 14 Ogos, Surau Al-Muhajirin, Wisma FGV telah diisyiharkan sebagai Surau Jumaat PKPP bagi memudahkan petugas lelaki melaksanakan solat Jumaat. Ianya merupakan hasil usaha petugas FGV yang menjadi ahli jawatankuasa surau tersebut.

Surau yang boleh menempatkan sehingga 290 jemaah, setelah mengambil kira penjarakan

fizikal, mendapat kebenaran menjalankan aktiviti tersebut sehingga hujung tahun ini berikutkan pengumuman Kerajaan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP) dilanjutkan sehingga 31 Disember.

Menurut Pengurus surau, Ilyas Helmi Mohd Yusof, usaha sedang dijalankan untuk memohon kepada pihak berkaitan agar Surau



Al-Muhajirin dapat terus kekal sebagai Surau Jumaat selepas tempoh PKPP.

Solat Jumaat dan solat fardhu berjemaah yang dijalankan di Surau Al-Muhajirin adalah mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara iaitu petugas yang hadir wajib mengambil suhu dan memakai pelitup muka.

# ■ BAHAGIAN KEWANGAN KUMPULAN Tingkat Kemahiran Digitalisasi

Bagi memberikan pendedahan terkini tentang penggunaan teknologi digital di dalam industri kewangan, Bahagian Kewangan Kumpulan FGV Holdings Berhad telah mengadakan latihan dua hari pada 28 - 29 September untuk Ketua-Ketua Bahagian Kewangan Kumpulan dan akauntan-akauntan kewangannya.

Penceramah jemputan, Yanti Abd Rahman dari PricewaterhouseCoopers (PwC), membahas topik teknikal mengenai cukai dan cukai tertunda manakala Novie Tajuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) menyampaikan taklimat bertajuk "Adakah Akauntan Bersedia Di Dalam Era Baharu Ini?"

Pengerus Malaysia untuk *Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)* Rushdan Rozlan pula mengupas tajuk "Menentukan Semula Fungsi Kewangan di Dunia Digital".

Secara ringkasnya, para akauntan perlu menyesuaikan diri dengan teknologi digitalisasi bagi meningkatkan kemahiran diri dan mempersiapkan Kumpulan dalam perubahan dramatik akibat pandemik COVID-19. Hadir sama Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid dan Pengawal Kewangan Kumpulan Aznur Kama Azmir. Latihan ini adalah sebahagian Siri Kepimpinan Bahagian Kewangan Kumpulan.



# ■ KELAB SUKAN FGV Adakan Mesyuarat Agung Pertama



Buat julung kalinya, Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan FGV (KSFGV) dilaksanakan pada 29 September di Wisma FGV. Ianya dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Haris Fadzilah Hassan.

Haris Fadzilah di dalam ucapannya berkata hasrat untuk menubuhkan kelab sukan ini adalah bagi menggalakkan penglibatan aktif warga FGV dalam aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi seiring dengan nilai-nilai PRIDE.

"KSFGV perlu diperkuuhkan lagi dengan menarik lebih ramai petugas menjadi ahli dan mempelbagaikan aktiviti," ujarnya.

Beliau menambah bahawa Pengurus FGV Datuk Wira Azhar Abd Hamid telah bersetuju untuk menjadi penuna KSFGV sebagai tanda sokongan terhadap aktiviti penglibatan petugas.

Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 110 orang ahli turut mengundi barisan utama Jawatankuasa Induk KSFGV serta memilih logo kelab.

Tahniah diucapkan kepada barisan utama jawatankuasa dan ahli-ahli jawatankuasa lain yang terdiri dari ketua-ketua KSFGV peringkat zon seramai lapan orang.



## AJK INDUK KSFGV SESI 2020/21

### Pengerusi

Muhammad Najib Ab Manan (FGVHB)

### Timb. Pengerusi

Mohd Izam Pariz Zamri (FGVHB)

### Setiausaha

Dalilah Ibrahim (FGVHB)

### Pen. Setiausaha

Mohd Tajul Azwa Haris (FGVT)

### Bendahari

Ainun Syafiqah Suhaidi (FGVHB)

Jefri Hamdan (FGVPM)  
**Zon KL**

Wan Mazlan Wan Nawang (FGVPI)  
**Zon Kuantan**

### AHLI JAWATANKUASA

Zulazren Rubaai (FJB)

**Zon Johor**

Azrulizam Ab Hamid (FGVPM)

**Zon Utara**

Hairudin Ruslam (FGVPM)

**Zon Serting**

Muhammad Rais Abdul Rahman (FGVPI)

**Zon Lipis**

Abd Rahim Nasir (FGVPM)

**Zon Sarawak**

Ahmad Rusuki Hamid (FGVPI)

**Zon Sabah**

# PEMENANG RESIPI SAJI PASTI MENJADI



## KEK MARBLE SANTAN SAJI

OLEH SURAYA SULATIN, DOPSB

### BAHAN-BAHAN

6 biji telur Gred B  
 1 cawan Gula Kasar SAJI (atau 200 gram)  
 1 sudu besar ovalatte (50 gram)  
 50 ml Santan SAJI  
 20 ml susu segar  
 2 cawan tepung naik sendiri (atau 220 gram)  
 170 gram marjerin Adela (dicairkan)

### CARA-CARA

- Gaul sebatи semua bahan (kecuali marjerin) sehingga gebu.
- Akhir sekali masukkan marjerin cair (kaup balik - elakkan terlebih gaul).
- Bahagikan adunan kepada dua bahagian:  
 1 bahagian *original*  
 1 bahagian campurkan satu sudu kecil pewarna hijau dan 1 sudu kecil perisa pandan
- Lapikkan loyang dengan kertas minyak.
- Letak satu senduk adunan berselang seli sehingga habis.
- Bakar pada suhu 140-150 darjah celcius selama satu jam atau sehingga masak (api atas bawah).
- Guna rak paling bawah (jangan panaskan oven).

## PUDING JAGUNG SAJI DI HATI

OLEH JURAIYAH BTE MOHD JALDIN, FELDA TRAVEL

### BAHAN-BAHAN

1 tin Jagung Manis Ala Krim  
 1 cawan tepung kastard  
 1/2 cawan Gula Kasar SAJI  
 4 sudu besar Krimer Manis Jagung SAJI  
 4 cawan Santan Kelapa SAJI (Guna 2 kotak Santan 200ml dan tambah air untuk dapatkan 4 cawan santan)

### CARA – CARA

- Satukan semua bahan-bahan di atas dan kacau sehingga sebatи di dalam kuali.
- Setelah sebatи boleh buka api dengan kadar perlahan.
- Pastikan adunan sentiasa dikacau sehingga pekat.
- Apabila adunan telah mendidih terus tutup api.
- Kemudian masukkan adunan ke dalam bekas.
- Apabila adunan telah sejuk, sedia untuk dipotong dan dihidang.

Tips : Sebelum matikan api, masukkan 1 sudu besar Marjerin Adela ke dalam adunan untuk puding yang berkilat



\* Para pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan



**2H1M**  
HOTEL SERI COSTA,  
MELAKA

PAKEJ RENDAH  
**RM85**  
**SEORANG**



Zuriati  
017 9093227

Azwa  
012 3076704

[www.feldatravel.com.my](http://www.feldatravel.com.my)

# Peraduan Foto Cuti-Cuti Malaysia



Sektor pelancongan dalam negara telah dibuka untuk memulihkan semula ekonomi negara berikutan kesan pandemik COVID-19. Bagi ‘kaki-kaki’ travel, ini bukan halangan buat mereka jika sebelum ini percutian ke luar negara menjadi pilihan. Apa kata, kongsikan foto dan pengalaman percutian anda sempena Cuti-Cuti Malaysia kepada kami. Setiap penyertaan haruslah menghantar foto bersaiz tidak kurang dari **2MB** dan artikel percutian tidak melebihi dari **200 patah perkataan**.

Foto dan artikel paling menarik akan menerima hadiah istimewa barang dari FGV.

Penyertaan terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV (termasuk anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya). Jangan lupa sertakan nama penuh, emel dan nombor telefon untuk dihubungi.

TERBITAN  
Komunikasi Strategik Kumpulan  
[groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)  
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

